UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Majlis KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ke-18

5-7 NOVEMBER 2022

SABTU - ISNIN

bersamaan

10-12 RABIULAKHIR 1444H

DEWAN CANSELOR UTeM



MyUTeM
www.utem.edu.my

Let's R.I.S.E. Together

Di Sini Segalanya Bermula



UTeM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى اَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْن

Segala puji-pujian untuk-Mu ya Allah, tuhan sekalian alam, tuhan yang memiliki segala keagungan dan kekuasaan, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. juga ke atas keluarganya, para sahabatnya dan mereka yang mencontohinya sehingga hari kiamat.

ALLAH HUMMA YA ALLAH

Kami berhimpun di dewan yang serba indah, di hari yang penuh keceriaan ini, bersempena dengan Majlis Konvokesyen ke-18 Universiti Teknikal Malaysia Melaka, dalam suasana khusyuk dan tawaduk kerana ingin memohon limpah kurniaan-Mu, 'inayah dan ri'ayah-Mu, taufik dan hidayah-Mu, agar diampunkan segala dosa-dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami, guru-guru kami serta dosa seluruh umat Nabi Muhammad S.A.W. yang masih hidup mahu pun yang telah meninggal dunia. Jadikanlah majlis kami ini, majlis yang sentiasa diredhai dan dirahmati oleh-Mu.

ALLAH HUMMA YA ZALFADLI WAL IHSAN

Tuhan yang mempunyai kemuliaan dan kebesaran, anugerahilah azam yang tinggi, kemuliaan budi pekerti yang murni, ke atas para pendidik dan pensyarah yang telah mencurahkan tenaga dan idea, dalam kepayahan dan keperitan mendidik anak bangsa kami, memecahkan kegelapan dan kejahilan yang menyelubungi pemikiran dan hati anak bangsa kami, meneranginya dengan cahaya ilmu dan pengetahuan sehingga anak bangsa kami berjaya mencapai kepuncak kejayaan. Jadikanlah kegigihan dan keikhlasan mereka itu untuk menambahkan kekuatan dan ketinggian martabat mereka sebagai ahli ilmuan dan pengamal teknikal dan kejuruteraan yang ulung di negara kami.

ALLAH HUMMA YA ZALQUWWATIL MATIN

Limpahkanlah rahmat dan petunjuk-Mu, yang luas kepada penerima-penerima anugerah pada hari ini, kerana berkat kesungguhan mereka untuk mencapai kejayaan hidup, di dunia dan akhirat. Berikanlah mereka keyakinan, serta kekuatan, untuk terus menyumbangkan kepakaran, pemikiran dan segalanya, demi kemajuan agama, bangsa dan negara. Mudah-mudahan, penganugerahan dan pengiktirafan yang diberikan ini, dapat meningkatkan kompetensi dan seterusnya mengharumkan nama baik organisasi UTeM ke persada dunia.

ALLAH HUMMA YA FATTAH YA 'ALIM

Kembangkanlah lembayung nikmat dan rahmat-Mu kepada pemimpin-pemimpin negara kami, khususnya di bawah naungan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, kepada pemimpin negeri yang kami kasihi, Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, seluruh kepimpinan dan warga UTeM serta sesiapa sahaja yang bersama-sama dengan kami.

Ya Allah, berikanlah kami kekuatan dan keyakinan, serta tingkatkanlah iltizam kami agar segala ilmu yang telah Engkau kurniakan, dapat kami pergunakan dengan sebaik-baiknya, dengan penuh jujur, dedikasi dan sentiasa maju ke hadapan. Kami jua memohon, semoga kerjasama dan usaha murni yang telah terjalin di antara kami ini, akan sentiasa mekar, di dalam persediaan untuk melangkah jauh sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang terunggul.





CANSELOR
Chancellor

TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.)
HJ. MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W.,
D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.



MENTERI PENGAJIAN TINGGI
Minister of Higher Education

YANG BERHORMAT DATUK SERI
DR. NORAINI BINTI AHMAD
D.G.S.M., D.S.A.P., D.M.S.M.



PRO-CANSELOR
Pro-Chancellor

YANG BERBAHAGIA TAN SRI
DATO' SERI (DR.) HALIM BIN SAAD
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P.,
D.C.S.M., D.S.A.P., D.P.M.P.



PRO-CANSELOR
Pro-Chancellor

YANG BERBAHAGIA DATUK
DR. SABIRIN BIN JA'AFAR
D.M.S.M.



PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Chairman of the University Board of Directors

YANG BERBAHAGIA DATUK SERI DR. HAJI HASIM BIN HASAN

D.G.S.M., D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., P.P.T., P.M.C.



NAIB CANSELOR
Vice-Chancellor

YANG BERUSAHA PROFESOR TS.
DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

Sekapur Sirih

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum warahmatullahiwabarokatuh, Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia dan Salam Keluarga UTeM.

Alhamdulillah, rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpahan rahmat dan kurniaan dariNya, Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-18 dapat diadakan seperti biasa dengan gah dan gilang gemilang. Penularan Pandemik COVID-19 yang semakin pulih telah memberi ruang terhadap penganjuran secara besar-besaran Majlis Konvokesyen pada tahun ini. Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Universiti mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kehormat dan ibu bapa graduan ke majlis kemuncak Universiti yang amat dinanti-nantikan oleh semua dan tercatit di dalam kalendar akademik universiti ini.

Sudah semestinya pada hari yang bersejarah ini, rasa bangga dizahirkan atas kejayaan 3,149 orang graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian mereka menerusi enam (6) sesi penganugerahan yang merangkumi 63 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 7 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 147 orang graduan Ijazah Sarjana, 2,454 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 478 orang graduan Diploma. Majlis Konvokesyen kali ini juga turut diserikan lagi dengan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain yang merupakan mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Teknikal Malaysia Melaka, dan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Encik Tan Chun Seng, Pengurus Besar STMicroelectronics Sdn. Bhd. dan Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Maklumat kepada Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia.

Kejayaan yang dicapai oleh para graduan pada hari ini merupakan tangga pertama dalam menempuh alam pekerjaan. Kecemerlangan akademik yang diperoleh turut diasah bersama kemahiran insaniah bagi memastikan para graduan mempunyai ciri-ciri yang menepati pasaran industri. Perkara inilah yang akan memberikan keistimewaan kepada para graduan berbanding dengan orang lain yang telah memperolehi kejayaan yang sama. Alam pekerjaan merupakan satu pengalaman yang berbeza di mana para graduan akan perlu bersaing bagi memastikan perjalanan karier yang lebih baik seterusnya menjamin masa depan yang lebih cerah. Kemantapan jati diri juga akan menjadi faktor utama untuk survival dalam dunia penuh mencabar hari ini. Kejayaan yang telah diukir di atas transkrip ini perlu dilengkapkan dengan pembawaan diri yang serba boleh dalam segala bidang.

Akhir kata, saya berkeyakinan para graduan yang diraikan di Majlis Konvokesyen kali ini akan berjaya sama ada di pasaran pekerjaan atau di peringkat pengajian yang lebih tinggi dan sentiasa maju dalam kehidupan. Gunakanlah segala ilmu, pengalaman dan peluang yang ada untuk bersama-sama membangun dan melestarikan UTeM menerusi Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) dan memberikan sumbangan menerusi Tabung Endowmen UTeM. Teruskan pencarian ilmu sepanjang hayat, tingkatkan potensi diri anda dan cetuskanlah idea-idea yang bernas, kreatif dan inovatif untuk manfaat serta kemajuan diri, ibu bapa, masyarakat dan Negara. Semoga segala yang dilaksanakan ini mendapat keredaan dan ganjaran dari Allah S.W.T. Insya Allah. Sekian, terima kasih.

PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
Naib Canselor





Foreword

In the name of Allah, Most Merciful, Most Compassionate

Assalamualaikum warahmatullahiwabarokatuh, Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia and Salam Keluarga UTeM.

Praise be to the Almighty Allah S.W.T. for with His mercy and blessings has enabled us to gather for the momentous event of the18th Convocation of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). We are fortunate as the recovery of the COVID-19 has allowed us to organize a grand Convocation Ceremony this year. On behalf of the University's Top Management, I would like to welcome the presence of the guests of honor and the parents of the graduates to UTeM's 18th Convocation Ceremony, which has been marked in the university's academic calendar and eagerly awaited by all.

In this historic ceremony, I am proud to announce the achievement of 3,149 graduates who have successfully completed their studies in various levels and fields of study through six (6) awarding sessions, which include 63 graduands of Doctor of Philosophy, 7 graduands of Doctor of Engineering, 147 graduands of Master's degree, 2,454 graduands of Bachelor's degree and 478 graduands of Diploma. This Convocation Ceremony also witnesses the awarding of the title Professor Emeritus to Dato' Professor Dr. Mohd Nor bin Husain, the former Deputy Vice-Chancellor (Academic and International) of Universiti Teknikal Malaysia Melaka, and Honorary Doctorate in Engineering to recipients, namely Mr. Tan Chun Seng, the General Manager of STMicroelectronics Sdn. Bhd. and Honorary Doctorate in Information Technology to Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, the Chief Executive Officer of Cybersecurity Malaysia.

The success of the graduates today is their first step in entering the modern job market. The academic excellence embedded with soft skills ensures the graduates to have the right skills needed to compete in the ever-changing contemporary workforce. This gives our graduates an added advantage in comparison to the others. The world of work is a different experience where graduates will have to compete to ensure a better career path and thus guarantee a brighter future. The stability of one's character will also be the main factor for survival in today's challenging world. The success that has been carved on this transcript needs to be completed with a versatile personality in all fields.

Finally, I am confident that the graduates celebrated in this Convocation will be successful either in the job market or the higher level of education, and will continuously progress in life. Use all the knowledge and experience, and take the available opportunities for the development and sustainability of UTeM. These can be done by participating in the UTeM Alumni Association (AUTeM) and donating in the UTeM Endowment Fund. Continue the search for knowledge throughout your life, enhance your potential and come up with thoughtful, creative and innovative ideas for the benefit and progress of yourself, your parents, the community and the country. May all that is done get satisfaction and reward from Allah S.W.T. God willing. Thank you.

PROFESSOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
Vice Chancellor

Majlis KONVOKESYEN ke-18
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS



PENGERUSI – *Chairman*
YBHG. DATUK SERI DR. HAJI HASIM BIN HASAN



AHLI - *Member*
YBRS. PROFESOR TS. DR.
MASSILA BINTI KAMALRUDIN



AHLI - *Member*
YB DATUK ZAIDI
BIN JOHARI



AHLI - *Member*
YBRS. TUAN HAJI KAMARUZAMAN
BIN MAHMOOD



AHLI - *Member*
YBRS. ENCIK ZULKHAIRIL AMAR
BIN MOHAMAD



AHLI - *Member*
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR.
SHAHRIN BIN SAHIB, FASc.



AHLI - *Member*
YBHG. DATO' MOHAMMAD AZLAN
BIN ABDULLAH



AHLI - *Member*
YBHG. DATUK NIK AIRINA
BINTI NIK JAFFAR



AHLI - *Member*
YBHG. DATO' AMINUDDIN
BIN MD HANAFIAH



AHLI - *Member*
YBRS. PUAN FARNIDA
BINTI NGAH



AHLI - *Member*
YBRS. TS. DR. ZAHRI
BIN YUNOS



AHLI SILIH GANTI KPT - *Member*
YBRS. PUAN MAZLINA
BINTI MOKHTAR



SETIAUSAHA - *Secretary*
YBRS. ENCIK MASDZARIF
BIN MAHAT

SENAT
SENATE



PENGERUSI - *Chairman*
PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
Vice-Chancellor



AHLI - *Member*
PROFESOR DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
Deputy Vice-Chancellor
(Academic & International)



AHLI - *Member*
PROFESOR IR. DR. GHAZALI BIN OMAR
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation)



AHLI - *Member*
YBHG. DATUK DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
Deputy Vice-Chancellor
(Student Affairs & Alumni)



AHLI - *Member*
PROFESOR DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
DEKAN
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
Dean
Centre for Graduate Studies



AHLI - *Member*
PROFESOR MADYA DR. HIDAYAT BIN ZAINUDDIN
DEKAN
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Dean
Faculty of Electrical Engineering



AHLI - *Member*
PROFESOR MADYA DR. MASRULLIZAM BIN MAT IBRAHIM
DEKAN
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER
Dean
Faculty of Electronics & Computer Engineering



AHLI - *Member*
PROFESOR MADYA DR. MOHD FADZLI BIN ABDOLLAH
DEKAN
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
Dean
Faculty of Mechanical Engineering



AHLI - *Member*
PROFESOR IR. DR. HAMBALI BIN AREP @ ARIFF
DEKAN
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN
Dean
Faculty of Manufacturing Engineering



AHLI - *Member*
PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD SANUSI BIN AZMI
DEKAN
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI
Dean
Faculty of Information & Communications Technology



AHLI - *Member*
PROFESOR MADYA DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN ABDUL HAMID
DEKAN
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI & TEKNOUSAHAWANAN
Dean
Faculty of Technology Management & Technopreneurship



AHLI - *Member*
TS. DR. ROSTAM AFFENDI BIN HAMZAH
DEKAN
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK
Dean
Faculty of Electrical & Electronic Engineering Technology



AHLI - *Member*
PROFESOR TS. DR. EFFENDI BIN MOHAMAD
DEKAN
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL & PEMBUATAN
Dean
Faculty of Mechanical & Manufacturing Engineering Technology



AHLI - *Member*
PROFESOR MADYA DR. SAFIAH BINTI SIDEK
DEKAN
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI & KEUSAHAWANAN
Dean
Institute of Technology Management & Entrepreneurship



AHLI - *Member*
NURLISA LOKE BINTI ABDULLAH
DEKAN
PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA
Dean
Centre for Languages Learning



AHLI - *Member*
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. SHAHRIN BIN SAHIB, FASc.
PROFESOR
Professor



AHLI - *Member*
PROFESOR DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN
PROFESOR
Professor



AHLI - *Member*
PROFESOR DR. MOHD KHANAPI BIN ABD GHANI
PROFESOR
Professor



AHLI - *Member*
PROFESOR IR. DR. BADRUL HISHAM BIN AHMAD
PROFESOR
Professor



AHLI - *Member*
PROFESOR DR. ZAHRILADHA BIN ZAKARIA
PROFESOR
Professor



AHLI - *Member*
PROFESOR TS. DR. BURHANUDDIN BIN MOHD ABOOBAIDER
PROFESOR
Professor



AHLI - *Member*
PROFESOR IR. DR. KENNETH A/L SUNDARAJ
KO-OPT
CO-Opted



AHLI - *Member*
PROFESOR MADYA TS. MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
KO-OPT
CO-Opted



SETIAUSAHA/AHLI EX-OFFICIO
Secretary/Ex-Officio Member
ENCIK MASDZARIF BIN MAHAT
KETUA PEGAWAI OPERASI
Chief Operating Officer



AHLI EX-OFFICIO
Ex-Officio Member
ENCIK KHAIRUL BIN TAIB
BENDAHARI
Bursar



AHLI EX-OFFICIO
Ex-Officio Member
YBHG. DATUK AZHAR BIN MOHAMED
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
Legal Advisor



Lambang Kuasa Universiti
KERIS PANJANG

Keris Panjang dikatakan sebagai kumpulan yang tertinggi kedudukannya dalam kumpulan keris. Keris Panjang ini hanya dipakai oleh raja-raja atau pembesar-pembesar istana. Jenis ini juga kadangkala dikenali sebagai Keris Bahari atau Keris Sumatera atau Keris Darjat atau Keris Melela atau Keris Sapukal yang ditentukan melalui mata, hulu dan sarungnya. Mata jenis keris ini biasanya tirus dan lurus. Kadangkala keris jikalau sarungnya bersalutkan emas ia juga dikenali sebagai Keris Terapang atau Keris Terapang Gabus. Mata Keris Panjang UTeM ini ditempa daripada besi waja dan dikatakan telah berusia lebih daripada 200 tahun berasal dari Pagar Ruyong, Sumatera dan terakhir ditemui di Pattani.

Hulu dan sarung keris ini diperbuat daripada kayu cengal bersalutkan perak dan emas putih dengan ukiran menyeluruh bunga kesidang (bunga rasmi Negeri Melaka). Di atas sampirnya diterapkan dengan logo UTeM dan pada pangkal batang keris ditulis perkataan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam khat Kufi, di hadapan sarung dan tulisan rumi di belakang sarung. Hulu keris ini berbentuk tapak kuda dengan replika hiasan tertentu yang bernilai dan ukiran ayat Rabbi Zidni Ilma (Surah Thohaa: Ayat 114) yang bermaksud "Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmuku" melingkari hulu tersebut. Di tengah sampir sarung depan juga terdapat ukiran Surah Al-Ala' sebagai menyaksikan kesungguhan Universiti berhubung dengan ilmu pengetahuan.

Keris melambangkan kebesaran dan kekuasaan masyarakat Melayu yang sangat dimuliakan. Di samping pengaruhnya yang kuat mendasari budaya dan adat resam Melayu, ia juga merupakan suatu lambang keindahan seni pertukangan Melayu yang dikagumi dan dihormati. Keris Panjang sebagai lambang kuasa Universiti akan diperuntukkan untuk dipakai dan dibawa oleh panglima semasa mengiringi Canselor pada Majlis Konvokesyen Universiti.

The University Symbol Of Authority

KERIS PANJANG

Keris Panjang is said to be of the highest stature amongst the groups of keris. Keris Panjang is only used by kings and royal court officials. This type of keris is sometimes known as Keris Bahari, Keris Sumatera, Keris Darjat , Keris Melela or Keris Sapukal which is determined by its blade, handle and cover. The blade of this type of keris is usually straight and sharp pointed. It is also known as Keris Terapang or Keris Terapang Gabus when its cover is gold plated.

The blade of UTeM Keris Panjang is made of steel and is said to be 200 years old and originated from Pagar Ruyong, Sumatera. It was last seen in Pattani. The handle and the cover of the keris are made of silver and platinum plated cengal. It is engraved with Bunga Kesidang (Malacca's official flower) motif. The UTeM logo is carved on the sampir of the keris. The wording Universiti Teknikal Malaysia Melaka is engraved in Kufi calligraphy on the front side of the cover and in Roman letters on the other side.

The handle of the keris is shaped like a horse shoe and engraved with the verse "Rabbi Zidni Ilma" (Surah Thohaa:114) which denotes "O Allah, grant me knowledge" across it. On the front side of the cover is a carving of Surah Al-Ala' verses, which symbolises the University's determination to acquire knowledge.

Keris is the noble symbol of power and authority of the Malay community. Besides its substantial influence on the Malay custom and culture, it is also a symbol of the admired and respected exquisite Malay craftsmanship. Keris Panjang as the symbol of power of the university is adorned by the panglima when escorting the Chancellor during the University Convocation.



Penerima Gelaran
PROFESOR EMERITUS
YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD NOR BIN HUSAIN



Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain dilahirkan pada 10 November 1954 di Kampung Ulu Bendul, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak bongsu dari dua orang adik-beradik. Dato' Dr. Mohd Nor telah mendirikan rumah tangga dengan gadis pilihan, Khadijah binti Ayub pada Julai 1977. Mereka telah dikurniakan 5 orang cahaya mata perempuan, dan kesemua mereka telah pun mempunyai kerjaya masing-masing dan berdikari. Sehingga kini, beliau telah memiliki 7 orang cucu, 3 orang lelaki dan 4 orang perempuan.

Menelusuri perjalanan pendidikan Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain, beliau telah mendapat pendidikan awal dalam aliran Melayu pada tahun 1961, di Sekolah Kebangsaan Ulu Bendul, Kuala Pilah bermula dari Darjah Satu sehingga Darjah Tiga, manakala pendidikan Darjah Empat sehingga Darjah Enam di Sekolah Kebangsaan Terachi, Kuala Pilah. Kesungguhan untuk menimba ilmu telah menyebabkan beliau kemudiannya membuat keputusan untuk beralih ke aliran Inggeris. Beliau berpandangan, untuk menjadi pelajar yang lebih berjaya dan berpengetahuan luas, beliau harus menguasai Bahasa Inggeris. Tambah beliau lagi, kebanyakan buku rujukan yang digunapakai pada ketika itu juga adalah dalam Bahasa Inggeris. Justeru, dengan menguasai Bahasa Inggeris, dapat memberikan sedikit kelebihan kepada beliau untuk mendalami sesuatu cabang ilmu. Beliau telah memilih untuk meneruskan pendidikan menengah dalam aliran Inggeris dengan terlebih dahulu menduduki kelas peralihan yang lebih dikenali pada masa itu sebagai Remove Class. Pada tahun 1967, beliau telah memulakan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Samad, Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan sehingga tamat Tingkatan Tiga.

Pada tahun 1971, setelah mendapat keputusan Lower Certificate of Education (LCE), Dato' Dr. Mohd Nor telah ditawarkan ke aliran Sains di Tuanku Muhammad School (TMS), Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Pada permulaannya, beliau telah ditempatkan di kelas Form 4 Science 3. Kecemerlangan beliau telah menyebabkan beliau berjaya ditempatkan di kelas Form 5 Science 1 pada tahun berikutnya, di mana, di dalam kelas ini hanya terdapat 6 orang sahaja pelajar bumiputra, termasuklah beliau sendiri. Dato' Dr. Mohd Nor juga merupakan di antara tiga orang pelajar bumiputra yang mendapat pangkat satu di dalam peperiksaan Malaysian Certificate of Education (MCE) dalam aliran Sains dari sekolah berkenaan. Tambah beliau, sementara menunggu keputusan peperiksaan MCE keluar, beliau telah terpilih untuk menjalani program pra-Universiti di Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban. Disebabkan keputusan beliau yang cemerlang dalam peperiksaan MCE, beliau kemudiannya telah ditawarkan pengajian ke Tingkatan 6 dalam aliran Biologi di Sekolah Menengah Kebangsaan King George V (KGV), Seremban. Walau bagaimanapun, setelah 2 minggu mengikuti pengajian Tingkatan 6 tersebut, beliau mula berasa tidak serasi dengan aliran tersebut. Beliau kemudiannya bertekad untuk mengikuti pengajian dalam jurusan program Diploma Kejuruteraan Elektrik Perhubungan di Institut Teknologi Kebangsaan (ITK) Malaysia. Pada 1 April 1975, ITK telah dinaik taraf menjadi sebuah universiti, kini lebih dikenali sebagai Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Sepanjang tempoh pengajian di UTM dari tahun 1973 sehingga 1976, Dato' Dr. Mohd Nor sentiasa memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Beliau juga telah berjaya memperoleh keputusan Diploma kelas pertama di akhir sesi pengajian beliau di UTM. Ibarat rongkong menghadap mudik, beliau kemudiannya ditawarkan peluang sebagai Tenaga Pengajar di UTM dengan gaji permulaan sebanyak RM 680. Beliau juga turut ditawarkan dengan penajaan penuh untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi oleh pihak UTM. Tanpa berfikir panjang, Dato' Dr. Mohd Nor telah menerima tawaran tersebut, dan telah melaporkan diri sebagai Penolong Pensyarah B di UTM pada 24 April 1976. Setelah berkhidmat selama setahun, beliau telah dihantar untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di University of Strathclyde, Scotland dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Beliau telah berjaya menggenggam segulung ijazah pertama dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik pada tahun 1979, iaitu setelah 2 tahun pengajian di University of Strathclyde. Beliau kemudiannya pulang ke Malaysia dan kembali berkhidmat di UTM selama 2 tahun dengan memegang jawatan sebagai Penolong Pensyarah A.

Pada September 1981, beliau meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Sistem Telekomunikasi di University of Essex, United Kingdom. Kecemerlangan Dato' Dr. Mohd Nor menamatkan pengajian Ijazah Sarjana dalam tempoh yang singkat, iaitu 9 bulan telah memberi peluang kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah kepada beliau. Pada tahun 1983, beliau telah diberi kepercayaan oleh pihak UTM untuk menggalas jawatan sebagai Ketua Jabatan Elektrik Perhubungan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), UTM. Tidak lama kemudian, sekali lagi beliau ditawarkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan oleh UTM. Setelah berkhidmat selama 6 tahun (dari tempoh tamat pengajian peringkat Ijazah Sarjana), Dato' Dr. Mohd Nor mengambil keputusan untuk meneruskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah. Untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah ini, Dato' Dr. Mohd Nor memilih untuk ke University of Bath, United Kingdom. Menurut Dato' Dr. Mohd Nor, beliau lebih suka untuk menyambung pengajian di universiti yang berbeza agar dapat melihat perbezaan budaya dari sudut akademik dan pembangunan pelajar yang diterapkan di sesebuah universiti, supaya boleh dijadikan rujukan dan teladan apabila beliau kembali ke tanah air kelak. Pada tahun 1991, Dato' Dr. Mohd Nor telah berjaya menghabiskan pengajian Ijazah Doktor Falsafah beliau. Beliau kembali berkhidmat di UTM dalam tahun yang sama.

Sekitar tahun 1993, Kerajaan Malaysia telah menerima sejumlah peruntukan kewangan daripada World Bank bagi tujuan penubuhan 5 buah Politeknik di Malaysia. Namun, pihak kerajaan telah diberikan beberapa syarat bagi penubuhan politeknik tersebut. Pihak kerajaan perlu memastikan jumlah tenaga pengajar yang diperlukan adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan penubuhan politeknik tersebut. UTM telah menerima tawaran untuk menjadi peneraju bersama dengan Bahagian Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi penubuhan sebuah pusat latihan bagi memenuhi keperluan tersebut. Dalam masa yang sama, Dato' Dr. Mohd Nor telah terpanggil untuk menawarkan diri untuk dipinjamkan ke pusat latihan tersebut. Di pusat latihan tersebut, Dato' Dr. Mohd Nor berperanan sebagai tenaga penggerak, dan beliau terlibat menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan polisi akademik, pembangunan program akademik, rekrutmen staf akademik, pembangunan infrastruktur akademik, dan latihan kemahiran teknikal bagi melatih para graduan dalam bidang kejuruteraan beserta kemahiran teknikal, dan memiliki kemahiran pedagogi sesuai dengan attribute sebagai tenaga pengajar di Politeknik. Pusat latihan ini di kenali sebagai Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), dan terletak di Batu Pahat, Johor. Tenaga pengajar PLSP terdiri dari sekumpulan kecil staf akademik tempatan dan disokong oleh konsultan dari Midwest Universities Consortium for International Activies (MUCIA) dari USA.



Pada ketika itu, Dato' Dr. Mohd Nor bertindak sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik di PLSP. PLSP yang telah dibangunkan ini merupakan antara projek yang menjadi kebanggaan negara pada ketika itu, di mana ia telah mendapat pengiktirafan daripada World Bank sebagai projek yang paling berjaya di kalangan projek seumpamanya yang pernah mereka taja sebelum itu. Pada tahun 1996, setelah beberapa kohort pelajar berjaya dilatih untuk menjadi Pensyarah Politeknik, PLSP telah dinaik taraf menjadi sebuah institusi pengajian dan diberi nama Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO). Seiring dengan perkembangan ITTHO, Dato' Dr. Mohd Nor juga telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar) ITTHO pada tahun 1997 sehingga 1998, dan Timbalan Pengarah (Akademik dan Pengajian Siswazah) ITTHO pada tahun 1999 sehingga 2000. Pada tahun 2001, sekali lagi ITTHO telah dinaik taraf menjadi sebuah kolej universiti, dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Pada tahun tersebut juga, Dato' Dr. Mohd Nor telah dilantik sebagai Timbalan Rektor (Akademik) KUiTTHO sehingga tahun 2003. Dato' Dr. Mohd Nor kekal berada di KUiTTHO selama 10 tahun, sebelum beliau seterusnya menyahut cabaran untuk menyertai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) pada April 2004.

Penempatan pertama Dato' Dr. Mohd Nor di KUTKM adalah di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Tidak lama berada di FKEKK, sekali lagi beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan pentadbiran. Beliau telah dilantik sebagai Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) KUTKM selama 2 tahun, bermula pada November 2004. Berbekalkan pengalaman beliau memegang jawatan pentadbiran sepanjang di KUiTTHO, beliau telah melakukan beberapa perubahan sepanjang berada di Pejabat HEPA KUTKM. Antaranya, beliau telah menyusun semula peranan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUTKM, menyediakan prasarana yang sesuai untuk aktiviti pembangunan pelajar, menubuhkan Kelab Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) KUTKM, dan menubuhkan Kelab Orkestra KUTKM. Beliau turut berasa bangga apabila Kelab Orkestra KUTKM hasil cetusan idea beliau ini, pernah beberapa kali muncul sebagai juara di beberapa pertandingan orkestra di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Tanggal 1 Februari 2007, KUTKM telah dinaik taraf menjadi universiti awam, di kenali sebagai Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sehingga kini. Dalam tahun yang sama juga, Dato' Dr. Mohd Nor telah kembali ke FKEKK dengan memegang jawatan sebagai Dekan FKEKK selama 2 tahun. Sepanjang menerajui FKEKK, beliau telah mengambil inisiatif memantapkan kekuatan staf akademik di fakulti sebagai persediaan untuk menawarkan program Ijazah Tinggi dengan menggiatkan penghantaran staf akademik di FKEKK untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Dato' Dr. Mohd Nor juga pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA) UTeM selama 3 tahun, bermula dari tahun 2009 sehingga tahun 2011. Selain dilantik menjadi Dekan HEPA, Dekan FKEKK dan TNCAA UTeM, Dato' Dr. Mohd Nor juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) (2012 sehingga 2017), Ahli Lembaga Pengarah UTeM Holdings (2009 sehingga 2017), serta Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Solutions (2009 sehingga 2017). Beliau yakin, setiap jawatan yang ditawarkan kepada beliau sepanjang perkhidmatan beliau adalah bersandarkan kepada kepercayaan bahawa beliau mempunyai pengalaman dan ilmu untuk memegang jawatan-jawatan tersebut.



Dato' Dr. Mohd Nor turut menyifatkan bahawa antara kenangan terindah yang tidak dapat beliau lupakan ketika di UTeM adalah ketika beliau mendapat isyarat daripada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi ketika itu, supaya Malaysian Technical Universites Network (MTUN) mengkaji semula mengenai penawaran program teknologi kejuruteraan yang merupakan tujuan asal penubuhan Kolej Universiti, tetapi kian tersasar disebabkan beberapa masalah kawal selia badan profesional yang tidak dapat diselesaikan. Bertitik tolak dari arahan ini, beliau sebagai TNCAA (pada ketika itu), telah membentuk satu pasukan penggerak yang terdiri daripada Jurutera Pengajar yang memiliki pengalaman industri dan disokong oleh Dekan-dekan Fakulti, telah berusaha menyediakan Kertas Cadangan Penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Program Akademik di bawahnya untuk kelulusan Senat, LPU dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Dalam masa yang sama juga, Ahli Jawatankuasa TNCA MTUN turut mengusulkan penubuhan Malaysian Board of Technology (MBOT) kepada pihak kerajaan, bertujuan sebagai badan kawal selia program-program teknologi di Malaysia. Alhamdulillah, dalam masa yang singkat sahaja, permohonan penubuhan Fakulti Teknologi Kejuruteraan di UTeM telah mendapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Pada hari ini, Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTeM telah mencatatkan enrolmen pelajar yang paling ramai berbanding fakulti-fakulti lain di UTeM, dan graduan dari fakulti ini juga sering menjadi buruan pihak industri. Selain itu, UTeM juga merupakan universiti yang mempunyai enrolmen pelajar teknologi kejuruteraan yang paling ramai berbanding anggota MTUN yang lain.

Ketika diminta untuk berkongsi mengenai cabaran terbesar yang pernah dilalui sepanjang mengendalikan organisasi yang diterajui, Dato' Dr. Mohd Nor menyifatkan bahawa cabaran terbesar yang paling hebat dan paling tidak dapat dilupakan oleh beliau adalah ketika mengendalikan kerja-kerja untuk menaik taraf PLSP menjadi ITTHO, dan seterusnya menjadi KUiTTHO, yang kini lebih dikenali sebagai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Banyak gerak kerja yang perlu dilakukan dan banyak aspek yang perlu diambil kira sepanjang kerja-kerja penaiktarafan tersebut, termasuklah dari segi pertukaran pemilik premis, peluasan fungsi dan peranan organisasi, kewangan,

pembangunan infrastruktur tambahan, keperluan tenaga manusia, dan penyediaan polisi-polisi pentadbiran dan pengurusan sebagai sebuah universiti. Sebagai individu yang diberi tanggungjawab penuh untuk memastikan kerja-kerja penaiktarafan tersebut berjaya, beliau akui bahawa tanggungjawab yang telah diamanahkan ini tidaklah mudah untuk digalas. Beliau juga terpaksa berunding dengan banyak Pemegang Taruh bagi memastikan kerja-kerja penaiktarafan ini mendapat pembiayaan penuh dan mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Dato' Dr. Mohd Nor turut menghadapi cabaran ketika berkhidmat di UTeM, namun, masalahnya sedikit berbeza. Sebagai pendatang baru dalam sesebuah organisasi yang telah sedia wujud, beliau perlu terlebih dahulu memerhati budaya kerja dan sistem sedia ada di UTeM. Daripada pemerhatian beliau, kekurangan yang paling ketara pada ketika itu adalah dari segi pengalaman staf, di mana sebahagian besar staf pentadbiran dan akademik pada ketika itu adalah muda dan tidak pernah mempunyai pengalaman bekerja di universiti sebelumnya. Menurut beliau, kaedah kepimpinan bimbingan atau Coaching merupakan inisiatif terbaik yang pernah diambil, berbanding menggunakan kaedah memberi arahan semata-mata. Selain itu, Dato' Dr. Mohd Nor turut menghadapi cabaran untuk menjajarkan staf yang dipimpin pada ketika itu ke arah mencapai matlamat universiti, memandangkan ketika itu kebanyakan staf akademik tidak kekal lama di UTeM kerana masing-masing sibuk untuk melanjutkan pengajian. Berpengalaman sebagai seorang pensyarah, beliau turut akui bahawa aspek penyelidikan dan penerbitan merupakan cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh setiap pensyarah. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat apapun cabaran yang dihadapi, jika seseorang individu itu mempunyai ilmu, pengalaman dan keyakinan diri serta kecekalan jiwa, mereka pasti boleh menghadapi dan menyelesaikan setiap cabaran yang dihadapi tersebut dengan baik. Setiap perkara yang dilakukan juga haruslah meninggalkan impak yang positif, tidak hanya kepada diri sendiri, malahan juga kepada negara dan masyarakat.

Ketika ditanya mengenai pengiktirafan yang pernah diterima hasil dari sumbangan yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan, Dato' Dr. Mohd Nor pernah di anugerahkan Bintang Kesateria Mangku Negara (KMN) oleh Kerajaaan Persekutuan pada tahun 1997, Datuk Paduka Tuanku Jaafar (DPTJ) oleh kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2002, dan Anugerah Tokoh Akademik UTeM pada tahun 2016.

Dato' Dr. Mohd Nor turut menyeru warga UTeM agar sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan reputasi dan 'visibility' UTeM di peringkat antarabangsa. Warga akademik khususnya, perlu mengatur strategi yang lebih berkesan membina 'networking' dengan institusi-institusi pendidikan dari dalam dan luar negara bagi tujuan berkongsi kepakaran dan mewujudkan kerjasama dalam penyelidikan, penyeliaan pelajar dan post doctoral, perundingan, dan pertukaran staf akademik. Justeru, sebagai usaha untuk meningkatkan lagi bilangan dan kualiti kerjasama di antara UTeM dengan institusi-institusi pendidikan yang lain, beliau mencadangkan agar UTeM mewujudkan satu peraturan tambahan dalam kontrak cuti belajar yang mewajibkan setiap staf akademik UTeM perlu mewujudkan jaringan kerjasama dengan penyelia masing-masing dan institusi tempat belajar selepas tamat pengajian masing-masing. Jika inisiatif "satu staf satu jaringan kolaborasi" ini dapat dilaksanakan, beliau yakin UTeM mampu untuk menjadi antara universiti tersohor di peringkat antarabangsa suatu hari nanti. Beliau juga menyeru seluruh warga UTeM agar sentiasa bekerja di dalam kumpulan, agar Visi dan Misi UTeM dapat dicapai dengan lebih mudah dengan adanya kerjasama berkumpulan. "Ramaikan kawan dan kurangkan lawan, konflik, serta persaingan sesama sendiri." Jaringan kolaborasi di antara universiti dan industri juga perlu ditingkatkan bagi memastikan hasrat UTeM untuk melahirkan graduan yang mampan dan berdaya saing terutamanya dari aspek kemahiran teknikal terlaksana. Beliau turut menambah, penggunaan sepenuhnya teknologi maklumat dan perkomputeran digital juga sebenarnya boleh membantu warga akademik di UTeM khususnya, untuk menjadi 'visible' di kalangan masyarakat. Beliau turut bersetuju bahawa penggunaan teknologi maklumat di dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) juga dapat menjimatkan masa dan juga tenaga para pensyarah. Oleh itu, masa yang dijimatkan itu boleh diperuntukkan oleh para pensyarah untuk melaksanakan aktiviti lain seperti penyelidikan, penulisan, penerbitan, dan juga perundingan.

Dato' Dr. Mohd Nor turut menyeru seluruh warga UTeM agar sentiasa berani mencuba sesuatu perkara baharu bagi meraih pengalaman. Staf akademik khususnya, diseru agar tidak mudah gentar untuk terlibat dalam pentadbiran di peringkat Fakulti mahupun Universiti, kerana banyak ilmu baru dari aspek pengurusan sumber manusia, kewangan, projek, pembangunan organisasi, serta kemahiran sosial yang boleh dipelajari. Beliau juga berpandangan, dengan adanya pengalaman, setiap masalah pasti dapat diselesaikan dengan lebih mudah. Selain daripada berkat usaha dan doa kepada Yang Maha Esa, Dato' Dr. Mohd Nor turut mengaitkan bahawa kejayaannya pada hari ini adalah hasil daripada pengalamannya yang lepas. Benarlah kata pepatah Melayu "guru yang terbaik adalah pengalaman". Terbukti, berbekalkan pengalaman beliau yang banyak, Dato' Dr. Mohd Nor masih menjadi tempat rujukan rakan-rakan beliau dan juga warga UTeM, walaupun sudah lebih 5 tahun menamatkan perkhidmatan. Dato' Dr. Mohd Nor turut berbesar hati untuk berkongsi pengalaman, pandangan dan idea kepada seluruh warga UTeM, jika diperlukan. Mengakhiri sesi temubual, Dato' Dr. Mohd Nor menitipkan pesanan kepada seluruh warga UTeM, para graduan dan ibu bapa agar sentiasa berusaha dan tidak jemu untuk terus menimba pengalaman dan menambah ilmu pengetahuan ke arah menjadi manusia berguna yang dapat memberi manfaat kepada orang lain.

PROFESSOR EMERITUS Recipient

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain was born on the 10th of November 1954 at Kampung Ulu Bendul, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. He is the younger of two siblings. Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain is married to Khadijan binti Ayub in 1977. They are blessed with five daughters who now have careers of their own. Presently, Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain has seven grandchildren, three boys and four girls.

Going through his educational journey, Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain obtained his early education in a Malay Vernacular School from standard one until three at Sekolah Kebangsaan Ulu Bendul, Kuala Pilah. He later continued his study from standard four to six at Sekolah Kebangsaan Terachin, Kuala Pilah. Determined to gain more knowledge in life, he then decided to switch to English school. As a student, he believed that good proficiency in English can help him become more knowledgeable and successful. Besides, most of the reference books used at that time were written in English. Hence, being proficient in English is an added advantage in the pursuit of knowledge. Dato' Dr. Mohd Nor bin Husain then further his secondary education in an English school and entered a transition class known as Remove Class. In 1967, he started his secondary education at Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Samad, Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan from form one until Form Three.

After receiving his Lower Certificate of Education (LCE) in 1971, Dato' Dr. Mohd Nor received an offer to further his study in a science stream school at Tunku Muhammad School (TMS), Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Initially, he was placed in the Science 3 class (form 4). Due to his excellent result, he was among the only six Bumiputera students who managed to successfully enter Science 1 class (form 5) in the following year. Dato' Professor Dr. Mohd Nor is one of the three bumiputra students in his school to achieve the first rank in their Malaysian Certificate of Education (MCE) examination (Science stream). While waiting for his MCE examination result, he received an offer to undergo a pre-university program at Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Seremban. Awarded for his excellent result in his MCE examination, he was given an offer to study Biology (Form 6) at King George V (KGV) National Secondary School, Seremban. Dato' Professor Dr. Mohd Nor changed his mind after two weeks of studying in form six as he then decided to further his study in Diploma of Electrical Engineering (Communication) at Institut Teknologi Kebangsaan (ITK) Malaysia instead. On the 1st of April 1975, ITK was upgraded to a university, which is now known as Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Throughout his time at UTM (1973-1976), Dato' Professor Dr. Mohd Nor had performed consistently well on his examinations. He then graduated with first-class honour and was offered a job as a teaching staff member at UTM with a starting salary of RM 680. UTM later offered him a full scholarship to continue his study for higher education. Without hesitating, Dato' Professor Dr. Mohd Nor accepted the offer and reported for duty as an Assistant Lecturer B at UTM on the 24th of April 1976. After working for a year, he was sent to University of Strathclyde, Scotland to pursue his bachelor's degree in the field of Electrical and Electronic Engineering. Dato Professor Dr. Mohd Nor took only two years to complete his study and earned his first degree in the field of Electrical and Electronic Engineering in 1979. He returned for service at UTM as an Assistant Lecturer A for another 2 years.

In September 1981, he pursued his master's degree in Telecommunication Systems at University of Essex, United Kingdom. Dato Professor Dr. Mohd Nor earned his master's degree in just nine months, which then allowed him to advance to the post of lecturer. In 1983, he was appointed by UTM to take up the position of Head of the Electrical Department (Communication) at the Faculty of Electrical Engineering (FKE), UTM, and was then promoted to senior lecturer. After serving in UTM for 6 years (since completing his master's degree), Dato' Professor Dr. Mohd Nor decided to continue his Doctor of Philosophy studies at University of Bath, United Kingdom. Dato' Professor Dr. Mohd Nor preferred to study at different universities to gain academic insight into the university culture and student development practices which he can later use as reference and guidance to further improve the education system in Malaysia. In 1991, Dato' Professor Dr. Mohd Nor completed his Doctor of Philosophy studies and returned to serve at UTM.

Around 1993, the Malaysian Government received a fund from the World Bank to establish five polytechnics in Malaysia. The government was subjected to fulfil some requirements for the establishment of the polytechnics. The government needed to ensure that the number of teaching staff required was sufficient for the establishment of the polytechnics. UTM had accepted the offer to co-lead with the Technical Education Division, Ministry of Education Malaysia (KPM) for the establishment of a training centre to cater to the teaching staff requirements. At the same time, Dato' Professor Dr. Mohd Nor had volunteered for the transfer to the training centre. At the training centre, Dato' Professor Dr. Mohd Nor acted as a driving force in managing related matters concerning academic policy, academic program development, academic staff recruitment, academic infrastructure development, and technical skills training (to train graduates in the field of engineering with technical skills and pedagogical skills as Polytechnic instructors). The training centre is in Batu Pahat, Johor was known as Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). The PLSP teaching staff consist of a small group of local academic staff and were supported by consultants from Midwest Universities Consortium for International Activities (MUCIA) from the USA. During that time, Dato' Professor Dr. Mohd Nor served as the Head of the Electrical Engineering Department of PLSP. PLSP became the pride of the nation as it had been widely recognised by World Bank as the most successful project among similar other projects they have sponsored before. In 1996, PLSP was upgraded to serve as an educational institution and was then known as Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO). This was after PLSP managed to successfully train several cohorts of students to become polytechnic lecturers. Along with the successful development of ITTHO, Dato' Professor Dr. Mohd Nor career progressed further, and he was appointed as Deputy Director (Development and Student Affairs) of ITTHO in 1997 until 1998, and Deputy Director (Academic and Graduate Studies) of ITTHO in 1999 until 2000.

In 2001, ITTHO successfully upgraded to become a university college known as Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Not long after Dato' Dr. Mohd Nor received his appointment as Deputy Rector (Academic) KUiTTHO until 2003. Dato' Professor Dr. Mohd Nor stayed at KUiTTHO for ten years, before he took on the next challenge to join Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) in April 2004.

Initially, Dato' Professor Dr. Mohd Nor was placed at Faculty of Electronic Engineering and Computer Engineering (FKEKK), KUTKM. But not long after that somewhere in November 2004, he was entrusted again with an administrative position as Dean of Student Affairs and Alumni (HEPA) of KUTKM for two years. His valuable administrative experience gained from KUiTTHO helped him change things for the better in HEPA, KUTKM. He altered the role of the Student Representative Council (MPP) in KUTKM, provided suitable infrastructures for student development activities, established KUTKM Student Police Volunteer Club (SUKSIS), and formed the KUTKM Orchestra Club. One of his proudest achievements was when KUTKM Orchestra Club, which was initiated by him, appeared several times as a champion in several orchestral competitions for Public Higher Education Institutions (IPTA) and Private Higher Education Institutions (IPTS) level. On the 1st of February 2007, KUTKM advanced as the first technical university in Malaysia, known as Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). In the same year, Dato' Dr. Mohd Nor returned as the Dean of FKEKK for two years. In his term as the Dean of FKEKK, he had taken the initiative to work on the academic staff qualification by putting



more effort to send them for their doctorate study as one of the faculty preparations to offer post-graduate studies shortly. Dato' Professor Dr. Mohd Nor was then appointed as the Deputy Vice-Chancellor Academic and International (TNCAA) UTeM for three consecutive years (2009-2011). In addition to being appointed as Dean of HEPA, Dean of FKEKK, and TNCAA UTeM, Dato' Professor Dr. Mohd Nor had also been appointed as a Member of the University Board of Directors (LPU) (2012 to 2017), Board Member Director of UTeM Holdings (2009 to 2017), as well as Chairman of UTeM Solutions Board of Directors (2009 to 2017). He believed every position entrusted to him throughout his service was due to the knowledge and experience he had gained.

Dato' Dr. Mohd Nor recounted that one of his most memorable experiences in UTeM was when he received a request from the Head of the Director of Higher Education to review a few unresolved regulatory issues by a professional body regarding the engineering technology programmes which had hindered the progression of the initial aims of developing a university college for the Malaysian Technical Universities Network (MTUN). As the TNCAA, he complied with the given directive and developed a task force of experienced teaching engineers and supportive deans of faculty to produce proposals for a new faculty (Faculty of Engineering Technology) along with its academic programmes with approval from the Senate, LPU, and Ministry of Higher Education (KPT). Concurrently, the TNCA MTUN Committee members proposed the establishment of the Malaysian Board of Technology (MBOT) to the government, which functions as a regulatory body for technology programmes in Malaysia. Alhamdulillah, the proposal for a new establishment for the Faculty of Engineering Technology, UTeM received fast approval from the government. Nowadays, the Faculty of Engineering Technology, UTeM has recorded the largest engineering technology student enrolment compared to other faculties and other MTUN universities. Not to mention that graduates from this faculty are also often sought after by the industry.

When asked about the biggest challenge he has ever faced, Dato' Professor Dr. Mohd Nor described his experience of upgrading PLSP to ITHO and upgrading ITHO to KUiTTHO, which is now known as Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) as challenging. Throughout the upgrading



